

Sejalan dengan dasar untuk membangunkan wanita dalam sektor ekonomi dan memperkukuhkan kedudukan kewangan peribadi melalui perniagaan, Kementerian Pembangunan Masyarakat & Hal Ehwal Wanita dengan kerjasama Majlis Penasihat Wanita Sabah telah memperkenalkan tiga (3) Anugerah khusus untuk wanita yang bergiat dalam perniagaan. Anugerah-anugerah ini adalah sebagai pengiktirafan atas peranan wanita dan sumbangan yang diberikan dalam pertumbuhan ekonomi negeri di samping memberi galakan untuk terus aktif sebagai penyumbang kepada pembangunan Negeri Sabah khususnya dan Negara Malaysia amnya.

In line with the policy to develop women in the economic sector and to strengthen their personal financial position through involvement in business, the Ministry of Community Development & Consumer Affairs through the Department of Sabah Women's Affairs in collaboration with the Sabah Women's Advisory Council would like to present three (3) inaugural business awards for women in recognition of their role and contribution towards the economic growth of the state. This is also to encourage them to stay active as a contributor to the development of the State of Sabah in particular and Malaysia in general.

Anugerah-anugerah tersebut adalah : *These awards are :*

Anugerah Usahawan Wanita adalah terbuka kepada semua usahawan di Sabah. Ia merupakan anugerah untuk menghargai penglibatan dan sumbangan wanita dalam pembangunan ekonomi. Ia menunjukkan bahawa wanita mampu menjadi ikon dan memberi inspirasi dalam bidang perniagaan. Anugerah ini mengiktiraf kejayaan usahawan wanita yang bukan hanya menyumbang kejayaan kepada syarikatnya tetapi juga kepada peranan dalam membangunkan dan memperkasakan wanita lain.

The Woman Entrepreneur of the Year Award is open to all entrepreneurs in the state. It is an award to recognize their participation and contribution in economic development. This shows that women could be an icon and be an inspiration in the field of business. This award is not only to recognize their success as an entrepreneur for their contribution to their respective companies but also their role in developing and empowering other women.

Anugerah Usahawan Wanita Luar Bandar merupakan anugerah untuk perniagaan yang beroperasi di luar kawasan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis Perbandaran Sandakan dan Tawau. Anugerah ini adalah untuk mengiktiraf penglibatan dan sumbangan wanita Luar Bandar. Pengiktirafan usahawan wanita luar bandar ini diharapkan dapat meningkatkan taraf hidup wanita dan pembangunan ekonomi luar Bandar.

The Rural Woman Entrepreneur of the Year Award is an award for business operations outside the city of Kota Kinabalu and the Municipal Councils of Sandakan and Tawau. This award is to recognize the participation and contribution of rural women. The recognition of rural women entrepreneurs would hopefully bring about further development of the rural economy and hence forth to improve their livelihood.

Anugerah Usahawan Wanita Harapan merupakan anugerah untuk mengiktiraf wanita muda yang berpotensi atas sumbangan yang bermakna dalam pembangunan ekonomi. Anugerah ini juga sebagai satu galakan kepada wanita yang berhasrat untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan. Anugerah ini khusus untuk wanita berusia empat puluh (40) tahun dan ke bawah.

The Most Promising Woman Entrepreneur of the Year Award is an award to acknowledge the significant contribution of younger women with potential, in developing the economy. This award would also serve as an encouragement to other woman aspiring to be a success in business. This award is meant for woman age 40 years and below.

Justeru itu, dengan wujudnya anugerah seperti ini akan menjadi pemangkin kepada golongan wanita dalam menceburi bidang perniagaan secara serius dengan tujuan membangunkan ekonomi negeri dan memperbaiki kualiti hidup. Anugerah-anugerah ini juga akan menjadi inspirasi dan galakan kepada mereka untuk berdaya saing dan berdaya tahan secara mapan.

The creations of such awards will be a catalyst for women to seriously venture into business with the objective of developing the economy as well as improving their livelihood. These awards will also be an inspiration for them to grow and remain competitive in a sustainable way.

PROSEDUR PENCALONAN / PERMOHONAN *NOMINATION / APPLICATION PROCEDURE*

1. Setiap pencalonan hendaklah di tulis dengan jelas.
Every nomination / application needs to be written clearly.
2. Tarikh tutup bagi mengemukakan Borang Pencalonan / Permohonan ini adalah 22 Mei 2015.
The closing date for submission of this Nomination / Application Form is 22nd May, 2015.
3. Sila gunakan lampiran tambahan untuk jawapan jika perlu.
Please use additional sheets for answers if necessary.
4. Sila isi semua tempat kosong dan catatkan "TIADA" di mana bersesuaian.
Please fill in all blanks and denote "Not Applicable (N.A)" where appropriate.
5. Semua maklumat di dalam Borang Pencalonan / Permohonan adalah sulit.
All information in the Nomination / Application Form will be treated with the strictest confidence.
6. Borang Pencalonan / Permohonan ini hendaklah dihantar kepada :
This Nomination / Application Form is to be submitted to:

Pengarah / *Director*
Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah
Tingkat 3 & 4, Wisma Wanita, K.M. 3.5 Jalan Tuaran Beg
Berkunci 2082,
88999 Kota Kinabalu Sabah.
No.Tel / *Tel*: 088-236110/236127 No.Faks / *Fax*: 088-
236125/236199
E-mail : Salmah.Ahmad@sabah.gov.my
Laman Web : www.sabah.gov.my

Kriteria Pencalonan / Permohonan /

Nomination / Application Criteria

Pencalonan / Permohonan adalah dipelawa daripada wanita yang terlibat dan berjaya dalam bidang perniagaan sama ada sebagai Syarikat Awam Berhad, Syarikat Persendirian Berhad atau Syarikat Milik Persendirian atau Perkongsian.

Nominations / Applications are invited from women who have started their own businesses and are operating successfully either as a Public Company (Berhad), Private Limited Company or a Sole proprietorship, for the award.

1. Syarikat hendaklah dibangunkan oleh seorang wanita atau kumpulan wanita.

Business must be initiated / started by a women / women

2. Syarikat hendaklah dimiliki sepenuhnya atau majoriti oleh seorang wanita / kumpulan wanita.

Business must be owned fully or majority owned by a woman / women.

3. Calon / Pemohon hendaklah seorang Pegawai Pembuat Keputusan / Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif. .

Nominee / Applicant must be the Chief Decision Maker / Managing Director / Chief Executive officer

4. Calon / Pemohon hendaklah warganegara tempatan atau sekurang-kurangnya dua puluh lima (25) tahun berstatus penduduk tetap.

Nominee / Applicant must be Sabahan or Permanent Resident for at least 25 years.

5. Perniagaan yang dijalankan oleh calon / pemohon mestilah didaftarkan, diusahakan dan beroperasi di Sabah. Perniagaan yang berkembang dan menembusi pasaran luar adalah satu kelebihan.

Nominee's / Applicant's business must be home grown, registered, located and operating in Sabah. Business that has flourished or extended beyond Sabah would be an advantage.

6. Perniagaan hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun beroperasi. Penyata kewangan yang telah diaudit untuk tiga (3) tahun atau penyata kewangan bagi tiga (3) tahun berturut-turut yang telah dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri hendaklah dilampirkan.

Business must be in operation for at least three (3) years, Audited financial statements for the last three (3) years or Financial statements for the last three (3) years submitted to Inland Revenue Board must be submitted.

7. Calon / Pemohon hendaklah mempunyai rekod yang baik dalam perniagaan.

Nominee / Applicant must have a good track record in business.